

قلبتا بهاس

# PELITA BAHASA

W A D A H K E S E M P U R N A A N B A H A S A



BIASAKAN  
*yang Betul*  
BETULKAN  
*yang Biasa*

BIL. 8 2017

Semenanjung Malaysia	: RM4.50
Sabah/Sarawak	: RM5.00
Brunei Darussalam	: B\$4.50
Singapura	: S\$4.50

KK 499-90829-0817  
ISSN 0128-2182



9 770128 218182



DBP





Biasakan yang betul dan betulkan yang biasa terhadap penggunaan bahasa Melayu merupakan tanggungjawab bagi setiap individu yang berstatus warganegara Malaysia. Tidak kira di mana-mana sahaja, masyarakat seharusnya menggunakan bahasa Melayu yang standard dan tepat, untuk menjadikan bahasa ini terus berada di puncak setanding dengan bahasa lain yang wujud di dunia ini.

## PANDUAN PENULISAN MAJALAH PELITA BAHASA

- Makalah hendaklah karya asli.
- Makalah hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu.
- Makalah hendaklah ditulis dalam bentuk penulisan untuk majalah, bukan bentuk penulisan kertas kerja atau seumpamanya.
- Makalah hendaklah ditulis dalam enam ke lapan halaman.
- Makalah hendaklah ditaip langkau dua baris.
- Jika menggunakan komputer, makalah hendaklah ditaip menggunakan huruf Arial bersaiz 12.
- Sebaik-baiknya makalah hendaklah disertakan dengan gambar foto, ilustrasi, jadual, rajah dan sebagainya.
- Bibliografi, nota kaki atau nota hujung tidak perlu disertakan.
- Sebarang rujukan hendaklah dimasukkan ke dalam teks, seperti contoh yang berikut:
  - a. Menurut Nik Safiah Karim dalam *Tatabahasa Dewan*,...
  - b. Dalam kerta kerjanya, "Trilogy Armageddon: Pentagon (Jilid III): Zimis dalam Politik Melayu", Hanapi Dollah...
  - c. Siti Jasmina Ibrahim dalam makalahnya, "Ceritera Putera Braca Sweden," berpendapat...
- Petikan daripada bahasa Inggeris atau bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.
- Istilah yang digunakan hendaklah berdasarkan istilah yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Setiap makalah yang dihantar tidak boleh dihantar ke penerbit lain.
- Penulis hendaklah menyertakan nama sebenar (seperti dalam kad pengenalan), alamat surat-menyurat, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan nombor akaun bank apabila mengirimkan makalah.



## Bingkisan Editor

- 2 Wajib Lulus Mandatori!

## 6 Arkib Bahasa

## Sari Bahasa

- 8 Biasakan yang Betul, Betulkan yang Biasa  
- Mohamad Suhaizi Suhaimi
- 12 Satu Bahasa Mendaulatkan Negara  
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim

## Cemerlang Pelajar

- 16 Memahami Penulisan Karangan Bahasa Melayu  
- Nawi Ismail

## Cemerlang Bahasa

- 20 Kata Bilangan  
- Kho Thong Eng
- 24 Istilah Seni Bina

## Pustaka Bahasa

- 26 Wibawa Bahasa yang Cuba Dipertahankan  
- Suria Janib



# BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

**B**ahasa Melayu merupakan bahasa Melayu-Polinesia dalam keluarga bahasa Austronesia yang digunakan di Malaysia, Indonesia, dan sekitarnya sejak lebih daripada 1000 tahun yang lalu. Walaupun asal usul bahasa Melayu belum diketahui secara tepat, pertumbuhannya boleh dikatakan berasal dari Sumatera Selatan, iaitu sekitar Jambi dan Palembang. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam, serta satu daripada bahasa rasmi di Singapura. Di Indonesia, bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Indonesia dan di Malaysia,

bahasa Melayu disebut juga sebagai bahasa Malaysia. Selain empat buah negara tersebut, bahasa Melayu dituturkan oleh masyarakat Melayu di selatan Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

Berdasarkan statistik penggunaan bahasa di dunia, penutur bahasa Melayu dianggarkan berjumlah lebih daripada 300 juta orang, iaitu bersamaan dengan penutur bahasa Indonesia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa keempat dalam turutan jumlah penutur terpenting bagi bahasa di dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Hindi.



SELAMAT DATANG KE  
**KUALA LUMPUR**  
A CITY OF CONTRAST & DIVERSITY

Alangkah indahnya jika tanda alu-aluan ini ditulis sepenuhnya dalam bahasa Melayu.



Selain itu, dilaporkan bahawa sebanyak 70 ribu orang mampu bertutur dalam bahasa Melayu di Sri Lanka. Di China, terdapat radio yang menggunakan bahasa Melayu semasa salurannya ke udara. Bahasa Melayu juga diajarkan di universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Belanda, China, Jerman dan New Zealand.

Bahasa Melayu secara rasminya diangkat sebagai bahasa negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan pada Perkara 152. Hal ini diperkuat lagi dengan Perkara 152 (1) bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen. Perlembagaan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu dimartabatkan atau diangkat darjatnya ke tahap yang lebih tinggi. Hal ini mampu menjadikan bahasa Melayu lebih bertenaga dan dinamik seiring dengan bahasa yang wujud di dunia. Sungguh hebat bukan, bahasa negara kita? Namun demikian, kehebatan ini tidaklah boleh dibanggakan sekiranya isu pemartabatan bahasa negara ini masih dipandang enteng oleh warganegaraanya sendiri.

Kekangan yang berkaitan rapat dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu ini ialah pencemaran bahasa negara dan kelemahan jati diri warganegara itu sendiri. Umum mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan harus digunakan dengan betul dan tepat. Namun begitu, terdapat penutur yang mencampur-adukkan satu bahasa dengan bahasa yang lain, terutamanya semasa proses perbualan berlangsung. Hal ini turut diakui oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Omar yang menyatakan bahawa fenomena penukaran kod ini sering berlaku kepada masyarakat yang bertutur dalam dua bahasa. Sebagai contoh, masyarakat Melayu memiliki bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu, dan turut menerima pendidikan formal tentang bahasa Inggeris sejak kecil lagi. Secara tidak langsung, penutur mampu menguasai kedua-dua bahasa secara serentak dan fenomena penukaran kod ini mudah untuk berlaku sama ada dalam keadaan sedar ataupun tidak. Hal tersebut merupakan perkara yang tidak baik, terutamanya bagi membentuk penggunaan bahasa negara yang lebih murni dan bertenaga.

Sehubungan dengan itu, sudah menjadi tradisi apabila sesetengah kelompok manusia yang sedikit akan mengikuti kelompok yang lebih banyak. Begitu juga dalam isu memartabatkan bahasa Melayu. Hal ini dilihat sudah menjadi ikutan dan berlaku apabila sesuatu yang salah dianggap betul dan biasa sekiranya dilakukan

“

Perkara pertama yang perlu dilihat ialah kecekapan berbahasa Melayu selaku bahasa negara dalam kalangan rakyat. Secara umumnya, kecekapan berbahasa Melayu bagi penutur Melayu boleh disifatkan sebagai tidak membimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana orang Melayu lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan harian berbanding dengan bahasa Inggeris.

”

oleh kelompok yang minoriti. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu yang salah sudah menjadi budaya yang tanpa disedari telah merosakkan jati diri bahasa negara sedangkan bahasa Melayu itu tinggi martabatnya di negara ini. Antara sebab berlakunya gejala ini termasuklah penutur kurang mahir dengan kosa kata asing yang digunakan dan kata pinjaman yang berasal daripada bahasa lain untuk menerangkan sesuatu konsep atau objek yang tidak terdapat dalam bahasa tersebut.

Oleh yang demikian, penutur akan lebih cenderung untuk menggunakan bahasa rojak bagi memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu perkara dan turut dilakukan oleh penutur yang lain. Fenomena ini dirancarkan lagi dengan kewujudan pelbagai aplikasi komunikasi dan laman sosial, seperti Facebook, Twitter dan Instagram, walaupun masih terdapat penggunaan bahasa Melayu yang tepat oleh pengguna teknologi ini. Oleh sebab perbualan tersebut berlangsung dalam bentuk tulisan, penggunaan bahasa tulisan jelas memaparkan hakikat dan kenyataan gejala linguistik yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat yang terlibat, terutamanya penutur bahasa Melayu.

Perkara pertama yang perlu dilihat ialah kecekapan berbahasa Melayu selaku bahasa negara dalam kalangan rakyat. Secara umumnya, kecekapan berbahasa Melayu



bagi penutur Melayu boleh disifatkan sebagai tidak membimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana orang Melayu lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan harian berbanding dengan bahasa Inggeris.

Namun begitu, kecekapan berbahasa Melayu harus diberi tumpuan kepada penutur bukan Melayu kerana mereka dilihat tidak menguasai pertuturan dalam bahasa itu. Hal ini bertambah parah apabila terdapat juga golongan tersebut, yang kebanyakannya remaja, yang tidak tahu langsung berbahasa Melayu walaupun bahasa tersebut merupakan bahasa negara. Walaupun perbezaan bangsa sering kali mewujudkan perbezaan bahasa, hal itu bukanlah alasan untuk gejala "tidak tahu berbahasa Melayu" semakin menular. Perkara ini sedikit banyak mencemarkan darjat bahasa Melayu sebagai bahasa negara sekiranya warganegaraanya sendiri tidak mampu menggunakan bahasa itu dengan baiknya. Sebagai warganegara, seharusnya kita bertanggungjawab untuk memartabatkan bahasa negara sebagai lambang jati diri tanpa mengira perbezaan kaum.

Penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul juga termasuk dalam langkah untuk memartabatkan bahasa itu. Hal ini bermaksud bahawa istilah bahasa Melayu yang baik dan tepat diterapkan dalam

penggunaan harian, khususnya dalam situasi formal atau berperaturan. Oleh itu, seseorang itu dianggap beretika dan memiliki ilmu yang tinggi semasa berucap atau menyampaikan pendapat. Namun, demikian, terdapat juga kesalahan yang dilakukan oleh pengucap yang sering kita terlepas pandang. Sebagai contoh, sering kali ucapan nasihat, seperti "kita hendaklah berbelanja secara berhemah", diucapkan, tetapi berlaku kesalahan dari segi penggunaan maknanya. Penggunaan perkataan "berhemah" seharusnya menjadi "berhemat" kerana kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud yang berbeza.

Hal ini bertepatan dengan kenyataan Datuk Dr. Awang Sariyan bahawa pengisian kemerdekaan melalui penggunaan bahasa Melayu masih belum membanggakan, sebaliknya hanya retorik dan slogan. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita hendaklah peka tentang isu kebahasaan dan memberikan citra yang positif kepada bahasa Melayu. Golongan perancang bahasa harus bersikap untuk menjadi pemimpin dan golongan pengguna bahasa bersedia pula untuk dipimpin. Hanya dengan cara demikian, terisilah maksud memartabatkan bahasa kebangsaan yang bukan sebagai lambang semata-mata, tetapi sebagai alat pembinaan negara melalui peranannya sebagai bahasa moden.

Penggunaan perkataan Melayu yang asli atau asal harus ditekankan dalam penggunaan harian. Hal ini dilihat penting kerana bahasa Melayu merupakan lambang jati diri negara tanpa mengira perbezaan bangsa sekalipun. Sehubungan dengan itu, generasi akan datang dapat mengetahui perkataan asal sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu dengan lebih jelas di samping kemahiran berbahasa negara tidak hilang begitu sahaja. Namun begitu, terlalu banyak perkataan bahasa Inggeris "dimelayukan" lantas mengetepikan perkataan asli bahasa Melayu. Misalnya, perkataan "populasi" daripada perkataan Inggeris *population* dan perkataan "hipertensi" daripada *hypertension* sebenarnya memiliki perkataan asli dalam bahasa Melayu, iaitu penduduk dan darah tinggi.

Menurut Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, pencemaran bahasa ialah penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa yang telah disetujui, sama ada sebutan, pilihan kata, ataupun susunan frasa dan ayat. Secara menyeluruh, fenomena ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu seakan-akan tiada identiti tersendiri apabila meminjam perkataan asing untuk digunakan dalam perbualan harian. Oleh itu, pengaruh media massa merupakan faktor terpenting

“

Menurut Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, pencemaran bahasa ialah penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa yang telah disetujui, sama ada sebutan, pilihan kata, ataupun susunan frasa dan ayat. Secara menyeluruh, fenomena ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu seakan-akan tiada identiti tersendiri apabila meminjam perkataan asing untuk digunakan dalam perbualan harian.

”





Media massa memainkan peranan penting bagi mengekang masalah kerancuan bahasa dalam kalangan masyarakat.

bagi mengekang kerancuan bahasa ini daripada terus terjadi. Bahasa yang digunakan oleh media penyiaran, media cetak, dan media sosial hendaklah menepati tujuh langkah pembentukan istilah yang digariskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia* agar menjadi ikutan kepada rakyat khususnya.

Langkah seterusnya ialah penutur asal sesuatu bahasa itulah yang seharusnya memikul tanggungjawab yang tegas supaya bahasa negaranya terus tekal di mata dunia. Namun begitu, terdapat segelintir penutur berbangsa Melayu yang memperlekehkan penggunaan bahasa Melayu, seperti slogan *Go Green* yang berbahasa Inggeris. Terdapat juga segelintir orang Melayu yang menganggap bahawa pengekal bahasa Inggeris perlu kerana dilihat lebih berprestij. Sebagai penutur jati, terjemahan yang menarik dan kreatif boleh dilakukan bagi memelihara bahasa negara daripada ditenggelami oleh bahasa asing. Secara tidak sedar, jati diri orang Melayu sudah hilang dan tidak mustahil orang bukan Melayu turut mengalami keruntuhan jati diri terhadap bahasa negara tersebut.

Selain itu, berlaku sikap memperlekehkan bahasa Melayu, seperti mengumpamakan ejaan bahasa yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Hal ini diibaratkan sebagai "separuh ular dan separuh belut" dan disarankan agar ejaan itu dibetulkan segera. Sebagai contohnya,

perkataan *presint* merupakan istilah dalam bidang perancangan bandar. Putrajaya sememangnya bandar yang dirancang, maka penggunaan perkataan itu sesuai. Walau bagaimanapun, jika mahu menggunakan *presint*, lebih sesuai jika dibuang huruf "t" kerana akhiran "t" daripada perkataan bahasa Inggeris, seperti *sentiment* yang ditukarkan kepada *sentimen* dan *parliament* menjadi *parlimen*.

Terdapat cara yang boleh dilakukan bagi menangani gejala ini dengan melaksanakan pembakuan bahasa. Pembakuan bahasa dapat didefinisikan sebagai usaha, tindakan atau proses untuk mengetengahkan bentuk bahasa yang benar dan yang dapat menjadi dasar ukuran. Pembakuan bahasa ini dilihat mampu melahirkan semangat cinta akan bahasa negara apabila

“

Terdapat cara yang boleh dilakukan bagi menangani gejala ini dengan melaksanakan pembakuan bahasa. Pembakuan bahasa dapat didefinisikan sebagai usaha, tindakan atau proses untuk mengetengahkan bentuk bahasa yang benar dan yang dapat menjadi dasar ukuran.

”

fungsinya yang menampilkan bentuk bahasa yang tepat dan berkesan.

Usaha dan tanggungjawab membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa terhadap bahasa Melayu sebenarnya terletak pada pemilik dan warganegara "mutlak" bahasa tersebut. Huraian dan perbincangan dalam makalah ini diharapkan menjadi titik tolak bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang terulung di mata dunia. Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah lama bertapak dan dituturkan sebagai *lingua franca* di rantau Asia, sama ada dari segi ekonomi ataupun politik. Tidak mustahil bahawa tindakan murni ini mampu mengangkat martabat bahasa Melayu agar terus berada di puncak setanding dengan bahasa yang lain di dunia ini. **PB**